

Najib, Tamrin belum putuskan

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Abdul Razak dan Encik Tamrin Ghafar hari ini enggan membuat keputusan tegas sama ada akan bertanding merebut jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO atau tidak.

Datuk Najib memberitahu, terlalu awal bagi beliau membuat kata putus sekarang memandangkan Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia masih lama lagi.

"Saya akan membuat keputusan jika tiba masanya kelak," tambahnya dengan serius.

Bagaimanapun difahamkan Datuk Najib pasti bertanding merebut jawatan tersebut memandangkan banyak bahagian telah menyuarakan sokongan kepada beliau.

Encik Tamrin pula menerangkan, beliau tidak dapat memberi keputusan kerana "saya percaya keputusan itu bukan terletak kepada

saya tetapi kepada ahli-ahli Pemuda UMNO sendiri."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia